

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]**

SOALAN NO. 57

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan adakah Kementerian ada menyediakan skim latihan dan bantuan kewangan bagi mengalakkan lebih ramai belia dan usahawan PKS menerokai perniagaan atas talian bagi mengembangkan perniagaan dengan menggunakan platform digital selaras dengan Agenda Ekonomi Digital Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) sentiasa komited dalam melaksanakan agenda pembangunan usahawan, khususnya dalam bidang keusahawanan digital. MED telah memperkenalkan pelbagai inisiatif untuk menggalakkan penyertaan syarikat tempatan, khususnya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) ke dalam platform e-dagang selaras dengan pelancaran Pelan Strategik Hala Tuju e-Dagang Kebangsaan (*National e-Commerce Strategic Roadmap* - NESR) pada 13 Oktober 2016. Di bawah NESR, terdapat enam (6) teras utama yang telah dikenal pasti iaitu:

- i) Menggalakkan penerapan e-dagang dalam kalangan penjual (PKS);

SOALAN NO. 57

- ii) Meningkatkan penerapan dan perolehan oleh perniagaan;
- iii) Menghapuskan sekatan bukan tarif (e-tunai domestik, e-dagang rentas sempadan, e-bayaran dan perlindungan pengguna);
- iv) Menyelaras semula insentif ekonomi sedia ada;
- v) Membuat pelaburan strategik dalam syarikat penggiat e-dagang utama yang terpilih; dan
- vi) Mempromosikan jenama kebangsaan bagi melonjakkan e-dagang rentas sempadan.

Salah satu aktiviti utama yang dilaksanakan di bawah NESR ialah kerjasama agensi, persatuan dan rakan strategik e-dagang bagi meningkatkan kemahiran PKS melalui latihan dalam bidang e-dagang. Pada tahun 2018, sejumlah 56,182 PKS telah dilatih dalam bidang e-dagang melalui pelbagai program yang dijalankan seperti berikut:

- i) *Online Legal & Workshop Series by ShakeUp*
- ii) *Everyone Can #EXPORTNOW to Indonesia*
- iii) *DFTZ and MEXA Networking Seminar 2018*
- iv) *Go for Digital Transformation - SMEs, Are You Ready?*
- v) *Alibaba.com Central Region Workshop (Go Global Today)*
- vi) *Lazada Club Roadshow KL*
- vii) *Lazada Everyone Can Sell Roadshow*
- viii) *Industrial Business Conference 2018: E-Commerce and SMEs, A Definite Way Forward*
- ix) *Malaysia Digital Economy Forum #MyDEF 2018*
- x) *Karnival Jom Niaga*

SOALAN NO. 57

SME Corp Malaysia juga telah bekerjasama dengan Huawei Technologies Sdn. Bhd. untuk menghasilkan *White Paper on Accelerating Malaysian Digital SMEs: Escaping the Computerisation Trap* bagi mengenal pasti jurang penggunaan digital di kalangan PKS Malaysia. Di samping itu, SME Corp. Malaysia turut terlibat dalam mewujudkan portal sehenti e-perniagaan untuk PKS (www.go-ecommerce.my) bagi memudahkan pendaftaran dan latihan.

SME Corp. Malaysia turut menganjurkan Program *Women Netpreneur* yang bertujuan untuk membantu usahawan wanita memanfaatkan teknologi bagi memulakan dan mengembangkan perniagaan mereka secara atas talian. Pada tahun 2017, sebanyak enam (6) siri latihan Penggunaan Maklumat Digital & sesi Latihan Praktikal *e-Commerce* dan lima (5) siri Bengkel Perniagaan Digital dilaksanakan. Program ini telah memberi manfaat kepada 725 usahawan wanita. Pada tahun 2019, sebanyak 10 lagi sesi telah dirancang bagi negeri Johor, Pulau Pinang, Terengganu, Kuala Lumpur, Sabah dan Sarawak. Tiga (3) sesi, iaitu di Johor, Pulau Pinang dan Terengganu telah berjaya dilaksanakan dan memberi manfaat kepada 302 usahawan wanita manakala sesi di Sabah akan dijalankan pada bulan September 2019.

Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) juga menyediakan skim latihan kepada usahawan untuk meningkatkan perniagaan menggunakan platform digital. Program yang dijalankan oleh INSKEN untuk menggalakkan perkembangan perniagaan dan penyertaan lebih ramai belia melalui program atas talian seperti berikut:

- i) *Social Media Marketing (Facebook Ads);*
- ii) *Social Media Marketing (Copywriting);*
- iii) *Social Media Marketing (Instagram);*
- iv) *Social Media Marketing (Photography) for Small Business;*
- v) *Social Media Marketing (Youtube);* dan
- vi) *Video Making Using Smartphone for Social Media Marketing.*

Sekian, terima kasih.